

17 JUN 2003

Umno-Ku Li

KU LI: TIADA CADANGAN REBUT JAWATAN TERTINGGI PARTI

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Bekas Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah hari ini berkata beliau tidak bercadang merebut jawatan tertinggi Umno dan menerima Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengganti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau melahirkan rasa terkejut apabila namanya dikaitkan dengan soal pertandingan bagi merebut jawatan tertinggi parti.

"Lebih-lebih lagi saya bukanlah orang yang berkedudukan. Dengan ikhlas saya nyatakan, saya tidak ada cadangan dan rancangan ke arah itu," katanya yang lebih mesra dengan panggilan Ku Li dalam satu kenyataan di sini.

Ketua Umno Gua Musang itu berkata umum mengetahui bahawa Dr Mahathir telah memilih Abdullah sebagai penggantinya, dan ini, menurut Ku Li, adalah wajar kerana Abdullah ialah timbalan Dr Mahathir.

"Saya turut menerima dan menyokong pilihan itu," katanya sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri dalam satu wawancara Ahad lepas bahawa mereka yang mencabar kedudukan Abdullah akan kalah.

Dr Mahathir yang dijadualkan bersara daripada semua jawatan kerajaan dan parti Oktober ini, berkata demikian ketika ditanya apakah beliau menjangka orang seperti Ku Li atau bekas Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Musa Hitam akan muncul semula dan bersaing jawatan presiden.

Dr Mahathir dilaporkan sebagai berkata beliau tidak fikir ia akan berlaku dan jika ia terjadi, mereka akan kalah.

Ku Li berkata beliau selama ini tidak bergerak ke mana-mana selain daripada kawasan Gua Musang dan tempat-tempat lain yang diarahkan oleh Majlis Tertinggi Umno.

"Bagi saya apa yang lebih penting ialah untuk terus memberi sumbangan ke arah mengukuhkan perpaduan dalam parti dengan melibatkan semua pihak serta membantu mencari kebaikan untuk orang Melayu keseluruhannya," katanya.

Beliau berkata ini perlu dilakukan khususnya untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang atau cabaran-cabaran lain terhadap parti.

Sementara itu, Anggota Majlis Tertinggi Umno, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir pula berkata perebutan jawatan Timbalan Presiden Umno seperti yang dikhuatiri oleh Dr Mahathir tidak mungkin berlaku kerana semua pihak telah memahami sepenuhnya tanggungjawab masing-masing.

Beliau berkata situasi seperti itu bagaimanapun boleh dijadikan sebagai panduan dan amanat Dr Mahathir sebelum beliau mengundurkan diri dari arena politik negara.

Katanya Abdullah sebagai bakal Perdana Menteri dan juga Presiden Umno pasti mengetahui dengan jelas calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai Timbalan Presiden parti.

"Selama ini kita melihat Pak Lah (Datuk Seri Abdullah) sebagai pemimpin yang berkaliber dan mempunyai keperibadian yang terpuji. Saya yakin pemilihan yang beliau lakukan untuk mengisi jawatan Timbalan Presiden akan dibuat dengan penuh berakal, bijak dan telus.

"Tidak ada apa yang perlu kita bimbangkan. Semuanya akan berjalan dengan lancar, InsyaAllah. Tetapi semua orang perlu memahami dengan jelas tanggungjawab dan asas perjuangan parti," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pameran Seni Grafik Kontemporari Croatia di Pusat Pelancongan Malaysia (MTC) di sini.

Bagaimanapun Abdul Kadir berkata tahun hadapan akan menyaksikan pertandingan sengit untuk jawatan Naib Presiden dan kerusi Majlis Tertinggi

memandangkan terdapat beberapa kekosongan untuk diisi.

"Sudah tentunya akan ada persaingan yang sengit tahun depan. Tapi itu bukan masalah. Sekarang yang penting ialah bagaimana untuk memastikan pertandingan itu bersih dari politik wang," katanya.

-- BERNAMA
SOP AHH ROS